

18 MAY 1998

Hishammuddin-Sudan

MALAYSIA MAHU TANAM KELAPA SAWIT DI SUDAN

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Sudan sedang menimbangkan untuk menjalankan penanaman kelapa sawit di Sudan, kata Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

Katanya persetujuan ini dicapai dalam perbincangannya dengan Menteri Industri negara itu, Badr-eddin Sulaiman dalam lawatannya ke Sudan sebagai anggota rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Dalam kenyataan hari ini, beliau menjelaskan bahawa sebagai permulaan ke arah usaha itu Perladangan Tabung Haji, Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) dan Universiti Antarabangsa Afrika, Sudan sudah memulakan kajian kemungkinan menanam kelapa sawit di negara Afrika itu.

Katanya Kementerian Perusahaan Utama juga sudah membenarkan biji benih kelapa sawit di hantar ke Institut Penyelidikan Pengeluaran Minyak Negara (NOPRI) dan Universiti Gezira di Sudan untuk kajian.

"Kementerian Perusahaan Utama juga sedang mengkaji untuk menghantar tenaga pakar dari PORIM bagi membantu penyelidikan itu," katanya.

Hishammuddin berkata Sudan juga menyatakan hasrat untuk terus mendapatkan bekalan minyak sawit dari Malaysia.

Negara itu yang mempunyai 28 juta penduduk setiap tahun mengimport 73,100 tan minyak dan lelemak yang sebahagian besarnya dari Malaysia untuk menampung pengeluaran minyak masak tempatan dari kacang tanah.

Malaysia dalam tahun 1996/97 telah menjual sebanyak 44,913 tan minyak setahun kepada Sudan.

-- BERNAMA

MT NMO